

KESOSIALAN, INOVASI DAN ORIENTASI PASARAN DALAM KALANGAN PELAJAR AKTIF KEUSAHAWANAN SOSIAL DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA

(SOCIALITY, INNOVATION AND MARKET ORIENTATION AMONG THE ACTIVE
SOCIAL ENTREPRENEURSHIP STUDENTS OF MALAYSIAN PUBLIC UNIVERSITY)

Hariyaty Ab Wahid¹
Noor Lela Ahmad²
Norasmah Othman³
Wan Salmuni Wan Mustaffa⁴

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dimensi keusahawanan sosial yang terdiri daripada aspek kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran dalam kalangan 394 pelajar universiti awam di Malaysia yang menyertai secara aktif program bercorak keusahawanan sosial iaitu ENACTUS. Menerusi pendekatan kuantitatif; dimensi keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam diperihalkan secara deskriptif dan inferensi. Kajian ini mendapati bahawa tahap keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam adalah tinggi. Tahap ciri keusahawanan sosial pelajar juga adalah berbeza berdasarkan tempoh penglibatan mereka dalam keusahawanan sosial. Kajian ini mengesyorkan agar lebih banyak kursus atau aktiviti bercorak keusahawanan sosial ditawarkan kepada pelajar di universiti awam. Pihak penasihat fakulti, pengurusan universiti serta pusat keusahawanan di universiti perlu menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam program keusahawanan sosial dengan mengambil kira tempoh penglibatan pelajar. Program dan kursus keusahawanan sosial juga perlu dilaksanakan dalam tempoh melebihi setahun agar tahap kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran dalam kalangan pelajar universiti awam dapat dibina dan dipertingkatkan.

Kata kunci: kesosialan, inovasi, orientasi pasaran

Abstract

This study aims to identify the dimensions of social entrepreneurship namely sociality innovation and market orientation among 394 students of public universities in Malaysia who actively participate in social entrepreneurship program called ENACTUS. Through quantitative approach; these dimensions have been descriptively and inferentially described.

¹ Pensyarah, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg Malim, Perak. Tel: +601548797731 E-mail: hariyaty@fpe.upsi.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg Malim, Perak. Tel: +601548797532 E-mail: noor.lela@fpe.upsi.edu.my

³ Pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Tel: 0124185365 E-mail: lin@ukm.edu.my

⁴ Pensyarah, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tg Malim, Perak. Tel: +601548797825 E-mail: wan.salmuni@fpe.upsi.edu.my

The study found that the level of social entrepreneurship among students in public universities is high. The social entrepreneurship level also varies based on the students' involvement duration. The study suggests that more social entrepreneurship courses be offered to students in public universities. The faculty advisors, university management and entrepreneurship centers in universities need to encourage a greater students' participation in social entrepreneurship program with the emphasis on longer duration of involvement. Social entrepreneurship programs and courses should also be implemented in a period exceeding one year to build and strengthen the level of sociality, innovation and market orientation among public university students.

Keywords: sociality, innovation, market orientation

2016 GBSE Journal

Pendahuluan

Pendidikan keusahawanan merupakan antara agenda utama yang kerap ditekankan dalam kebanyakan negara terutamanya yang berasaskan industri kerana kemampuannya yang menyerlah dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Salah satu cabang ilmu dan aliran baru dalam disiplin keusahawanan yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat baik dari segi ekonomi, sosial mahupun alam sekitar ialah keusahawanan sosial yang turut dikenali sebagai keusahawanan rakyat atau keusahawanan sivik. Pendekatan dan nilai keusahawanan yang diketengahkan menerusi keusahawanan sosial ini amat besar ertinya terhadap pertumbuhan modal insan yang dinamik, perubahan sosial dan juga ekonomi sesebuah negara (Malecki 2007; Mohammad Reza et al. 2010).


Memandangkan keusahawanan sosial masih baru sama ada di dalam mahupun di luar negara, wujud beberapa masalah dalam mendidik, menerap dan membudayakan keusahawanan sosial. Antaranya ialah masalah kurang kesedaran dalam kalangan ahli fakulti terhadap kepentingan pembudayaan keusahawanan sosial. Faktor kesedaran ini adalah merupakan faktor kritikal dalam menentukan penerimaan dan implementasi konsep tersebut di IPT (Kirby & Nagwa 2011; Hariyaty 2014). Selain itu, ahli fakulti dan pegawai kanan IPT perlu jelas mengenai ciri-ciri keusahawanan sosial itu sendiri sebelum ia dibudayakan (Tracey & Phillips 2007; Ibrahim et al. 2009). Rentetan itu, transformasi amalan pendidikan terbaik buat pemimpin masa depan dan latihan yang berterusan perlu dilakukan serta disokong oleh pusat keusahawanan sosial.

Oleh yang demikian, setiap sekolah atau fakulti perniagaan dan keusahawanan disaran agar bertindak balas terhadap aliran keusahawanan sosial yang semakin popular serta memenuhi keperluan pelajar yang berminat dengan keusahawanan sosial melalui program ijazah dan sarjana keusahawanan yang ditawarkan (Tracey & Phillips 2007; Litzky et al. 2010). Namun, di Malaysia hanya terdapat satu program mahasiswa yang menggunakan konsep keusahawanan sosial seperti *Entrepreneurship Action Us* (ENACTUS) yang telah beberapa tahun digerakkan dan mendapat penyertaan yang amat baik di peringkat IPT. ENACTUS dikenali sebagai sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang bekerjasama baik dengan pemimpin perniagaan dan juga IPT untuk menggerakkan pelajar universiti kepada usaha membuat perubahan dalam komuniti. Pada masa yang sama, pelajar dapat membina kemahiran untuk menjadi pemimpin perniagaan yang memiliki tanggungjawab sosial dan berkeupayaan mengubah masyarakat. Pelajar yang menyertai

program ini terdiri daripada kumpulan pelajar di kampus universiti dan mereka akan mengaplikasikan konsep perniagaan untuk membangunkan projek yang mampu meningkatkan kualiti serta taraf kehidupan insan yang memerlukan (Ibrahim et.al 2009).

Maka, bagi mencapai objektif menjadikan keusahawanan sosial sebagai mekanisme untuk membantu kesejahteraan masyarakat, maka ia perlu diberikan perhatian, dibincang dan dibudayakan melalui pendidikan sepertimana budaya keusahawanan yang dipupuk menerusi pendidikan keusahawanan. Elemen kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran dalam dimensi keusahawanan sosial perlu ditinjau dalam kalangan pelajar yang menyertai secara aktif program bercorak keusahawanan sosial dengan mengambil kira tempoh penglibatan mereka seperti pada kerangka konseptual kajian pada Rajah 1. Justeru, kajian ini bertujuan untuk:

- 1) mengenal pasti tahap kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran dalam kalangan pelajar universiti awam yang bergiat dalam aktiviti keusahawanan sosial; dan
- 2) mengenal pasti perbezaan tahap ciri keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam berdasarkan tempoh penglibatan dalam aktiviti keusahawanan sosial.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Adaptasi daripada Teori Penglibatan Astin (1999) dan Dimensi Keusahawanan (Nicholls & Cho 2008)

Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan keratan rentas dengan populasi sasarannya sejumlah 1531 pelajar aktif ENACTUS daripada 20 universiti awam yang menyertai program ENACTUS. Sampel melibatkan 394 pelajar ENACTUS telah dipilih secara rawak. Soal selidik berskala likert lima poin digunakan dalam kajian untuk mengukur keusahawanan sosial pelajar bermula dari dengan 1 untuk “Sangat Tidak Setuju”, hingga 5 untuk “Sangat Setuju”. Konstruk dan item-item dalam soal selidik kajian ini telah melalui proses kesahan kandungan dan kesahan muka yang melibatkan 10 orang pakar bidang keusahawanan dari IPT tempatan. Tahap min persetujuan bagi konstruk dan item-item keusahawanan sosial yang dikaji adalah tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Interpretasi tahap persetujuan pakar dibuat berdasarkan Jadual 3 di mana skor min dan sisihan piawai dijadikan indeks pengukur mudah bagi setiap item berskala likert 5 mata yang terkandung dalam soal selidik kajian.

Jadual 1 Tahap Persetujuan Pakar Bagi Konstruk dan Item Keusahawanan Sosial (KS) kajian

Konstruk KS	Min	s.p	Tahap Persetujuan
Kesosialan	4.70	0.36	Tinggi
Inovasi	4.58	0.45	Tinggi
Orientasi Pasaran	4.60	0.64	Tinggi

Dalam kajian ini, nilai pekali *Cronbach Alpha* yang diperoleh adalah antara 0.80 hingga 0.87 bagi dimensi keusahawanan sosial yang dikaji. Ini menunjukkan soal selidik yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis deskriptif melibatkan skor min dan sisihan piawai digunakan untuk mengenal pasti tahap keusahawanan sosial pelajar setelah mengambil kira saranan Nunnally dan Bernstein (1994) serta Neuman (2006) yang mengesyorkan agar penentuan tahap bagi sesuatu konstruk kajian yang menggunakan skala pengukuran Likert diberikan indeks secara mudah melibatkan skor min dan sisihan piawai seperti pada Jadual 2.

Jadual 2 Jadual Interpretasi Skor Min bagi Penentuan Tahap Keusahawanan Sosial

Skala	Tahap
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Analysis of Variance (ANOVA) pula digunakan untuk membanding dua atau lebih kumpulan dari segi pemboleh ubah bersandar (Lim 2007:253). Ia melibatkan satu pemboleh ubah bebas iaitu tempoh penglibatan yang memiliki beberapa peringkat yang mewakili kumpulan atau keadaan yang berbeza dan sekaligus menjawab persoalan “Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap ciri keusahawanan sosial pelajar ENACTUS berdasarkan tempoh penglibatan dalam keusahawanan sosial?”.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini melibatkan 394 pelajar aktif ENACTUS. Didapati bahawa taburan responden pelajar ENACTUS dalam kajian ini terdiri daripada 164 (19.7 peratus) orang pelajar lelaki dan 230 (27.7 peratus) orang pelajar perempuan. Daripada jumlah tersebut, Bilangan pelajar ENACTUS yang terlibat secara aktif dalam program tersebut selama kurang daripada setahun ialah 163 orang (41.4 peratus). Manakala yang terlibat dalam ENACTUS dalam tempoh setahun hingga kurang daripada tiga tahun ialah seramai 108 orang (27.4). Bilangan pelajar yang terlibat dalam ENACTUS dalam tempoh tiga tahun dan ke atas ialah seramai 120 orang (31.2 peratus).

a) Profil Keusahawanan Sosial

Jadual 3 menunjukkan perincian profil keusahawanan sosial dalam kalangan 394 pelajar universiti awam mengikut elemen kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran.

Jadual 3 Profil Keusahawanan Sosial Pelajar di Universiti Awam

Bil.	Keusahawanan sosial	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Kesosialan	4.13	0.43	Tinggi
2	Inovasi	4.10	0.43	Tinggi
3	Orientasi Pasaran	4.08	0.48	Tinggi
	Keseluruhan	4.11	0.38	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan tahap keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar ENACTUS di universiti awam adalah tinggi secara keseluruhannya bagi ketiga-tiga dimensi yang dikaji iaitu kesosialan, inovasi dan berorientasikan pasaran. Ini merupakan satu dapatan yang positif serta memberi petunjuk bahawa setiap pelajar universiti awam yang aktif dalam program keusahawanan sosial mampu menonjolkan mengorganisasikan aktiviti keusahawanan sosial di kampus yang mereka wakili dengan cemerlang dari sudut kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran. Dapatan kajian ini menyokong hasil rumusan kajian Perrini dan Vurro (2010), Hortovanyi (2012), Megre et. al (2012) dan Norasmah et al. (2012) yang menyatakan bahawa orang yang berjaya dalam bidang keusahawanan amnya dan keusahawanan sosial khususnya mempunyai ciri-ciri unik yang kesemuanya hampir sama serta ciri-ciri peribadi tersebutlah yang membezakan mereka dengan orang lain.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar aktif keusahawanan sosial menunjukkan tahap yang tinggi bagi elemen kesosialan. Dapatan ini menyokong kajian Tan et al. (2005) dan Sommerrock (2010) berkaitan sejauhmanakah elemen sosial dalam sesuatu aktiviti keusahawanan sosial dapat ditentukan dan beliau mendapati bahawa seseorang yang menceburkan diri dalam keusahawanan sosial mestilah individu yang tiada bermotifkan keuntungan peribadi tetapi mengutamakan keuntungan sosial dengan melibatkan sebahagian atau seluruh masyarakat dalam aktiviti yang diselangi dengan inovasi dan risiko. Pelajar aktif ENACTUS mengaku bahawa dalam mengendalikan aktiviti keusahawanan sosial, hanya aktiviti yang bersesuaian dengan tujuan untuk mencapai matlamat menyelesaikan masalah sosial sahaja menjadi pilihan. Selain menganalisis kekuatan dan kelemahan komuniti yang ingin dibantu, budaya hidup sesebuah masyarakat turut dipelajari untuk memahami masalah mereka. Dengan cara itu, mereka berkeyakinan penuh dapat membantu menyelesaikan masalah masyarakat dengan pendekatan keusahawanan yang dipilih. Mereka benar-benar mempamerkan kesungguhan untuk berbakti kepada masyarakat dengan mencari pelbagai sumber untuk membantu masyarakat untuk berusaha memperbaiki kehidupan mereka. Pada masa yang sama, mereka turut menggunakan jaringan sosial yang mantap dan menambah bilangan kenalan baru dalam menjayakan program keusahawanan sosial tersebut.

Dari sudut pengorganisasian keusahawanan sosial berteraskan elemen inovasi, pelajar aktif keusahawanan sosial merekodkan tahap yang tinggi. Elemen inovasi yang diamalkan mereka adalah sama seperti apa yang disaran oleh beberapa pengkaji lain mutakhir ini seperti Prahalad dan Krishnan (2008) serta Bornstein dan Davis (2010). Barisan pengkaji terbabit yang tampil dengan rumusan bahawa keusahawanan sosial ialah inovasi untuk impak sosial dan dalam perspektif tersebut perhatian perlu berfokus kepada inovasi serta penyusunan sosial akibat daripada masalah sosial yang biasanya dikaitkan secara relatif dengan ekonomi. Selari dengan saranan tersebut, pelajar aktif keusahawanan sosial bersetuju bahawa dalam mengendalikan aktiviti keusahawanan sosial; mereka terlibat secara aktif dalam mencadangkan beberapa projek yang berpotensi membawa perubahan dalam masyarakat. Mereka mengaplikasi pendekatan baharu dalam mencari penyelesaian untuk mengubah kehidupan masyarakat agar menjadi lebih baik. Selain mengaku berupaya menggerakkan sumber untuk diguna bagi menyelesaikan masalah sosial, mereka juga menggabungkan pelbagai strategi untuk melaksanakan rancangan yang dibuat. Mereka biasanya memikirkan cara penyelesaian masalah sosial yang tidak difikirkan oleh orang lain dan bertindak sebagai agen perubahan dalam masyarakat.

Hakikatnya, pelajar yang menyertai secara aktif akan program keusahawanan sosial berjaya menonjolkan elemen inovasi dengan baik dalam pengorganisasian aktiviti keusahawanan sosialnya. Program ENACTUS ini adalah salah satu contoh program keusahawanan yang menyahut saranan Monllor (2010) dan Norasmah et al. (2012) berkaitan kepentingan elemen inovasi untuk diterapkan dalam pendidikan keusahawanan di universiti melalui pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah dan juga berasaskan projek. Dari perspektif pengorganisasian keusahawanan sosial, elemen berorientasikan pasaran dalam kalangan pelajar yang aktif keusahawanan sosial yang juga merupakan elemen keusahawanan sosial terakhir dalam kajian ini mencatatkan tahap yang tinggi. Pelajar terbabit sangat bersetuju bahawa dalam mengendalikan aktiviti keusahawanan sosial, mereka berusaha mendapatkan maklumat berkaitan perkembangan keusahawanan sosial di persekitaran dan strategi pesaing secara berterusan. Ini adalah selari dengan saranan Zainalabidin (2012) bahawa dengan pemahaman yang cukup terhadap situasi semasa pasaran, individu mampu menggabung dan mengaitkan pengetahuan teknikal mereka dengan strategi organisasi. Justeru, pembentukan bakal graduan universiti awam yang mampu mengorganisasikan aktiviti keusahawanan sosial dengan baik pada hari ini seperti yang ditemui menerusi platform universiti dan ENACTUS.

b) Perbezaan Keusahawanan Sosial Berdasarkan Tempoh Penglibatan

Bagi mengenal pasti perbezaan keusahawanan sosial berdasarkan tempoh penglibatan, hipotesis seperti berikut dibina dan diuji: Ho 1: Tidak wujud perbezaan yang signifikan antara tahap ciri keusahawanan sosial pelajar universiti awam berdasarkan tempoh penglibatan dalam keusahawanan sosial. Ujian analisis ANOVA Sehalu telah dijalankan untuk mengenal pasti impak tempoh penglibatan dalam keusahawanan sosial ke atas ciri keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar universiti awam yang terlibat secara aktif dalam program keusahawanan sosial ENACTUS. Pelajar tersebut telah dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan tempoh penglibatan mereka dalam ENACTUS (Kumpulan 1: Kurang daripada 12 bulan; Kumpulan 2: 1 hingga kurang daripada 3 tahun; Kumpulan 3: Lebih daripada 3 tahun). Berpandu kepada Jadual 4 dan 5, didapati wujud perbezaan yang signifikan secara statistik pada nilai $p < 0.05$ terhadap ciri keusahawanan sosial mengikut ketiga-tiga tempoh penglibatan tersebut [$F(2, 391) = 7.03, p = 0.00$].

Jadual 4 Nilai min dan sisihan piawai bagi ciri keusahawanan sosial mengikut tempoh penglibatan pelajar dalam keusahawanan sosial

Tempoh Penglibatan	n	Min	s.p
<12 bulan	163	3.92	0.39
1 hingga <3 tahun	108	4.02	0.35
>3 tahun	123	4.08	0.39
Jumlah	394	4.00	0.38

Jadual 5 Keputusan ANOVA Sehalu bagi Ciri Keusahawanan Sosial Pelajar Universiti Awam berdasarkan Tempoh Penglibatan dalam Keusahawanan Sosial

	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	p
Antara Kumpulan	2.01	2	1.00	7.03	0.00
Dalam Kumpulan	55.86	391	0.14		
Jumlah	57.87	393			

Perbandingan *Post-hoc* menggunakan ujian *Scheffe* seperti pada Jadual 6 pula menunjukkan bahawa skor min untuk Kumpulan 1 – penglibatan kurang dari 12 bulan (min=3.92, s.d=0.39) adalah berbeza secara signifikan dengan Kumpulan 3 – penglibatan melebihi 3 tahun (min=4.08, s.d=0.39). Kumpulan 2 – penglibatan setahun hingga 3 tahun (min=4.02, s.d=0.35) tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dengan Kumpulan 3 – penglibatan melebihi 3 tahun (min= 4.08, s.d=0.39). Dengan itu, hipotesis nul adalah ditolak. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat kurang daripada 12 bulan dalam program keusahawanan sosial seperti ENACTUS memiliki tahap keusahawanan sosial yang rendah berbanding mereka yang menyertai program tersebut lebih daripada setahun.

Jadual 6 Keputusan Perbandingan *Post-hoc* Menggunakan Ujian Scheffe bagi Pemboleh Ubah Bersandar Ciri Keusahawanan Sosial

Tempoh Penglibatan dalam ENACTUS (I)	Tempoh Penglibatan dalam ENACTUS (J)	Perbezaan Min (I) dan (J)	s.p	p
<12 bulan	>3 tahun	-0.17**	0.05	0.00
>3 tahun	<12 bulan	0.17**	0.05	0.00

Menerusi Ujian analisis ANOVA Sehalu yang dibuat, amat jelas memaparkan bahawa pelajar aktif ENACTUS yang menyertai program keusahawanan sosial melebihi tiga tahun adalah lebih tinggi tahap ciri peribadi usahawan sosialnya berbanding pelajar ENACTUS yang menceburinya kurang daripada setahun. Jelasnya, tempoh penglibatan memainkan peranan penting dalam membezakan tahap ciri-ciri peribadi usahawan sosial pelajar terbabit. Secara langsung, dapatan kajian ini menyokong Teori Penglibatan Pelajar oleh Astin (1999) dan kajian Rahmah et al. (2010) yang menyatakan bahawa untuk membudayakan sesuatu ciri peribadi memerlukan tempoh latihan dan penglibatan yang mencukupi. Astin menerusi beberapa kajian beliau mengesyorkan bahawa faktor tempoh masa untuk penglibatan yang ditumpukan oleh pelajar mempunyai kesan terhadap keberkesanan sesuatu program yang disertai. Tempoh latihan atau penglibatan individu dalam sesuatu program perlu bersesuaian dengan keperluan program yang dijalankan ekoran jangkamasa yang terlalu panjang akan membosankan sementara jangkamasa yang singkat pula menyukarkan pemahaman dan pembelajaran.

Sungguhpun begitu, pengkaji sendiri tidak menafikan bahawa tahap keusahawanan sosial pelajar aktif ENACTUS ini perlu dipantau dari semasa ke semasa oleh *ENACTUS Faculty Advisor* dan IPT yang terlibat memandangkan terdapat kajian pengkaji lain seperti Wan Hartini et al. (2003) yang mendapati bahawa sikap daya saing siswa dan siswi di salah sebuah universiti dalam kecemerlangan akademik adalah tinggi pada peringkat awal kemasukan mereka di IPT, namun daya saing tersebut menurun pula sebaik mereka naik ke

semester 2 hingga 5. Pelajar terbabit didapati kembali berdaya saing apabila berada di semester 6 hingga 8 yang merupakan tahun akhir pengajian atas alasan mereka menjadi lebih berusaha disebabkan keinginan yang kuat untuk menamatkan pengajian.

Kesimpulan

Keusahawanan sosial dengan elemen kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran amat penting dibudayakan dalam diri semua pelajar universiti awam di Malaysia dengan mengambil kira tempoh penglibatan mereka. Ini ekoran penglibatan mereka yang aktif mampu melonjakkan daya inovasi pelajar di samping membudayakan mereka dengan nilai altruistik terhadap masyarakat. Sehubungan itu, usaha murni yang dilakukan untuk membudayakan pendidikan keusahawanan sosial perlu diperluas dan diberi pengiktirafan ekoran terbukti bahawa pelajar yang mengikuti program keusahawanan sosial mampu mempamerkan tahap keusahawanan sosial yang memberansangkan. Bagi kajian selanjutnya di masa akan datang, dicadangkan agar penilaian program keusahawanan sosial seperti ENACTUS dibuat secara tuntas bagi melihat keberkesanan program tersebut ke atas keberhasilan pelajar sebelum dan selepas menyertai program tersebut. Ini adalah kerana kajian ini hanya terbatas kepada kajian kuantitatif secara keratan rentas dan mengkaji dimensi kesosialan, inovasi dan orientasi pasaran dalam dimenasi keusahawanan sosial sahaja.

Rujukan

- Astin, A.W. (1999). Student involvement: a developmental theory for higher education. *Journal of College Student Development* 1(1): 518-529.
- Bazonelos, N. (2004). The big five of personality and work involvement. *Journal of Managerial Psychology* 19(1): 69-81.
- Bornstein, D. (2007). *How to Change the World: Social Entrepreneurs and The Power of New Ideas*. Ulang cetak. USA: Oxford University Press.
- Bornstein, D. & Davis, S. (2010). *Social Entrepreneurship: What Everyone Needs to Know*. USA: Oxford University Press.
- Brooks, A. C. (2009). *Social Entrepreneurship: A Modern Approach to Social Value Creation*. New Jersey: Prentice Hall.
- Harding, R. (2007). Understanding social entrepreneurship. *Industry & Higher Education* (February 2007):73-84.
- Hariyaty Ab Wahid. (2014). Keusahawanan Sosial, Daya Tahan dan Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hariyaty Ab Wahid, Norasmah Othman & Suria Mohd Salleh. (2013). Social entrepreneurship contributions on the competitiveness of active students in the Students in Free Enterprise Program (SIFE) Malaysia. *Proceedings of 6th International Seminar on Regional Education UKM-UNRI2013*, hlm. 1919-1929.
- Hortovanyi, L. (2012). Entrepreneurial management. Tesis Dr. Falsafah. Department of Strategic Management, University of Budapest, Hungary.
- Ibrahim Mamat, Wan Mohd. Zaifurin Wan Nawang & Noorun Nashriah Ramli. (2009). Nilai, sikap dan amalan pegawai kanan institut pengajian tinggi terhadap program pembangunan usahawan siswa. *Jurnal Kemanusiaan* 14: 96-115.

- Katono, I.W. (2011). Construction of an instrument to measure social valuation in an emerging market context. *Education + Training* 53(5): 371-386.
- Haugh, H. (2007). New strategies for a sustainable society: The growing contribution of social entrepreneurship. *Business Ethics Quarterly* 17 (4) : 743-749.
- Kirby, D.A. & Nagwa Ibrahim. (2011). The case for (social) entrepreneurship education in Egyptian universities. *Education + Training* 53(5): 403-415.
- Lim, Choong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Kuala Lumpur: McGrawHill Education.
- Litzky, B.E., Godshalk, V.M. & Walton-Bongers, C. (2010). Social entrepreneurship and community leadership: a service-learning model for management education. *Journal of Management Education* 34(1): 142-162.
- Malecki, E.J. (2007). Geographical environment for entrepreneurship. *IECER 2007, Montpellier*. Ohio State University.
- Manthei, R.J. & Gilmore, A. (2005). The Effect of Paid Employment on University Students' Lives. *Education + Training* 47(3): 202-215.
- Marshall, R.S. (2010). Conceptualizing the international for-profit social entrepreneur. *Journal of Business Ethic*. Springer Published Online [10 Julai 2010].
- Megre, R., Martins, M.A. & Salvado, J.C. (2012). ES+ Methodology: mapping social entrepreneurship. *ACRN Journal of Entrepreneurship Perspectives* 1(1): 97-110.
- Mohammad Reza Noruzi, Westover, J.H., & Gholam Reza Rahimi. (2010). An exploration of social entrepreneurship in the entrepreneurship era. *Asian Social Science* 6(6): 3-10.
- Monllor, J. (2010). Social entrepreneurship: a study on the source and discovery of social opportunities. Dlm. Hockerts, K. Mair, J & Robinson, J. (pnyt). *Values and Opportunities in Social Entrepreneurship*. Hlm. 99-120.
- Neuman, W.L. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Edisi ke-6. United States: Pearson Education, Inc.
- Nicholls, A. & Cho, A.H. (2008). Social entrepreneurship: the structuration of a field. Dlm. Nicholls, A (pnyt). 2008. *Social Entrepreneurship: New Models of Sustainable Social Change*. New York: Oxford University Press.
- Nga, J.K.H. & Shamuganathan, G. (2010). The influence of personality traits and demographic factors on social entrepreneurship start up intentions. *Journal of Business Ethics* 95:259-282.
- Norasmah Othman, Norashidah Hashim & Hariyaty Ab Wahid. (2012). Readiness towards entrepreneurship education: students and Malaysia universities. *Education + Training* 54(8/9): 697-708.
- Nunnally, J.C. & Bernstein. I.H. (1994). *Psychometric Theory*. Edisi ke-3. New York: McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual*. Edisi ke-4. Sydney: Allen & Unwin.
- Prahalad, C.K. & Krishnan, M.S. 2008. *The New Age of Innovation: Driving Co-Created Value Through Global Networks*. New York: McGraw Hill.
- Perrini, F. & Vurro, C. (2010). Developing an Interactive Model of Social Entrepreneurship. Dlm. Hockerts, K., Mair, J. & Jeffrey Robinson (pnyt). *Values and Opportunities in Social Entrepreneurship*, hlm. 165-180. New York: Palgrave MacMillan.
- Rahmah Ismail, Ishak Yussof, Abd. Hair Awang & Syahida Zainal Abidin. (2010). Analisis status dan penentu daya saing pekerja dalam sektor pendidikan di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 44(2010): 83-91.
- Sommerrock, K. (2010). *Social Entrepreneurship Business Models: Incentive Strategies to Catalyze Public Goods Provision*. UK: Palgrave Macmillan.

- Tan, W- L., William, J. & Tan, T-M. (2005). Defining the ‘social’ in ‘social entrepreneurship’: altruism and entrepreneurship. *International Entrepreneurship and Management Journal* (1): 353-365.
- Tracey, P. & Phillips, N. (2007). The distinctive challenge of educating social entrepreneurs: a postscript and rejoinder to the special issue on entrepreneurship education. *Academy of Management Learning & Education*, 6 (2): 264-271.
- Verma, A. (2009). *Social Entrepreneurship Management- A New Look at the People and the Potential*. New Delhi: Global India Publications Pvt Ltd.
- Wan Hartini Wan Hassan, Zaliha Hussin & Zaihan Abd Latip. (2003). Sikap daya saing siswa siswi di UiTM Kampus Alor Gajah dalam kecemerlangan akademik. Biro Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.
- Weerawardena, J. & Mort, G.S. 2006. Investigating social entrepreneurship: a multidimensional model. *Journal of World Business* 41: 21-35.
- Zainalabidin Mohamed, Golnaz Rezai, Mad Nasir Shamsudin & Muhammad Mu’az Mahmud. (2012). Enhancing young graduates’ intention towards entrepreneurship development in Malaysia. *Education + Training* 54(7): 605-618.